

/// PELANCARAN KELAB MEKATRONIK

Encik Zol Bahri Razali, Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik, Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) telah melancarkan Kelab Mekatronik pada 5 September lalu bertempat di Kem Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN) Sik, Kedah. Di majlis pelancaran itu juga telah diperkenalkan Logo dan Laman Web Kelab Mekatronik yang telah dihasilkan sendiri oleh para pelajar Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik yang terdiri daripada pelajar-pelajar Tahun Dua dan Satu, KUKUM.

Matlamat penubuhan Kelab Mekatronik yang dianggotai oleh semua pelajar Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik ini antara lain berusaha untuk membantu pelajar menjadi mahasiswa yang berkaliber, berketrampilan dan berkepimpinan iaitu sejajar dengan misi serta visi penubuhan KUKUM. Hasrat dan cita-cita ini dirasakan akan dapat tercapai melalui aktiviti-aktiviti yang telah dan akan dijalankan di peringkat kelab.

Bagi menyahut cabaran era teknologi maklumat dan komunikasi dunia tanpa sempadan, ledakan maklumat harus disalur, diterima, diproses dan ditapis agar ia dapat memberi manfaat kepada para pelayar internet. Justeru itu Laman Web Kelab Mekatronik ini dibangunkan atas rasa tangungjawab mahu membentuk satu komuniti yang bersifat bersih dari unsur-unsur negatif internet dewasa ini yang semakin korup dengan kandungan-kandungan yang berbaur pornografik. Ia juga secara langsung dapat menjadi platform interaksi sesama para pelajar dengan staf-staf pusat pengajian selain menjadi ruang koleksi atau rujukan akademik yang boleh diakses secara terus.

Laman web Kelab Mekatronik boleh diakses di <http://www.mechatronicz-kukum.tk/>